

## BAB 3

# TINDAKAN DISIPLIN

## SEKSYEN AM

### 3.1 TAFSIRAN

Dalam bab ini, “prosiding disiplin” bermaksud, sekiranya konteksnya membenarkan, termasuklah prosiding rayuan di bawah Seksyen C.

### 3.2 KUASA DISIPLIN

Pusat Penjelasan boleh melaksanakan kuasa disiplin di bawah Seksyen Am Bab 3 terhadap suatu Peserta jika Peserta didapati telah melakukan apa-apa tindakan salah laku yang ditetapkan dalam Kaedah 3.3 (“Peserta yang Ingkar”). Kuasa disiplin Pusat Penjelasan adalah termasuk mengambil satu atau lebih tindakan yang berikut:

- (a) menggantung atau menamatkan penyertaan Peserta Penjelasan menurut terma yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan;
- (b) menggantung atau menamatkan Peserta yang Ingkar sebagai suatu Peserta/Ejen SBL atau Peserta/Wakil ISSBNT menurut terma yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan;
- (c) mengehadkan atau melarang akses Peserta yang Ingkar kepada mana-mana perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan atau menggantung keistimewaan atau aktiviti Peserta yang Ingkar berdasarkan terma sedemikian dan suatu tempoh sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan menurut budi bicara mutlak Pusat Penjelasan, termasuklah yang berhubung dengan apa-apa fungsi yang telah disumberluarkan;
- (d) mengenakan denda tidak melebihi RM1 juta ke atas Peserta yang Ingkar;
- (e) menegur (secara peribadi atau terbuka) Peserta yang Ingkar;
- (f) mengenakan apa-apa sekatan atau syarat yang berhubung dengan pelanggaran yang dilakukan atau ke atas aktiviti yang dijalankan oleh suatu Peserta yang Ingkar yang merupakan suatu Peserta Penjelasan;
- (g) mengenakan satu atau lebih syarat pematuhan termasuklah mengeluarkan direktif untuk mengambil langkah sedemikian bagi meremedikan atau mengurangkan pelanggaran, selain daripada direktif untuk membuat restitusi;
- (h) mengarahkan suatu Peserta yang Ingkar yang merupakan suatu Peserta Penjelasan untuk mengambil tindakan yang sesuai terhadap mana-mana kakitangan atau ejen Peserta Penjelasan jika kakitangan atau ejen itu menyebabkan Peserta yang Ingkar melakukan pelanggaran;
- (i) mewajibkan pendidikan, latihan atau program lain yang seumpamanya sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan, untuk dijalankan atau dilaksanakan oleh Peserta yang Ingkar yang merupakan Peserta Penjelasan, bagi kakitangannya;
- (j) [Dipotong];

- (k) mengenakan apa-apa sekatan, larangan atau kehendak berkenaan dengan pelupusan, pemegangan atau perniagaan yang melibatkan apa-apa wang atau aset klien oleh suatu Peserta yang Ingkar yang merupakan suatu Peserta Penjelasan; atau
- (l) apa-apa tindakan lain yang dianggap oleh Pusat Penjelasan sebagai sesuai, tertakluk kepada rundingan dengan Suruhanjaya.

### **3.3 TINDAKAN SALAH LAKU**

Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain dalam Kaedah-kaedah ini, Pusat Penjelasan boleh memulakan tindakan disiplin terhadap suatu Peserta, yang berhubung dengan suatu tindakan salah laku yang termasuklah:

- (a) Pelanggaran mana-mana Kaedah-kaedah, Prosedur Operasi, perintah, direktif, syarat atau kehendak lain yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan ke atas Peserta;
- (b) (Berhubung dengan suatu Peserta Penjelasan Perdagangan), apa-apa kejadian yang memberikan hak kepada Pusat Penjelasan untuk menggunakan Kaedah-kaedah Ingkar terhadap Peserta Penjelasan sedemikian;
- (c) Kegagalan untuk mematuhi apa-apa keputusan Pusat Penjelasan;
- (d) Apa-apa perlakuan, yang caranya menjejaskan kepentingan Pusat Penjelasan atau mana-mana Peserta lain;
- (e) Apa-apa perlakuan oleh Peserta, yang sikapnya mengaibkan, memalukan atau tidak wajar;
- (f) Apa-apa perlakuan, yang caranya tidak teratur atau melibatkan halangan yang disengajakan ke atas penjelasan, penyelesaian dan perkhidmatan atau kemudahan lain Pusat Penjelasan atau selainnya;
- (g) Peserta merupakan subjek bagi dapatan yang memudaratkan oleh badan pengawalseliaan lain dalam pasaran kewangan dan saham atau industri perkhidmatan kewangan, dengan Peserta tertakluk pada ;
- (h) Pengarah, pemegang saham, rakan kongsi, kakitangan, pegawai atau ejen Peserta mengetahui, terlibat dalam atau melakukan apa-apa perlakuan atau apa-apa pengabaian atau keingkaran yang merupakan suatu tindakan salah laku menurut terma peruntukan subkaedah (a) - (e);
- (i) Peserta memberikan maklumat yang tidak betul, tidak lengkap, mengelirukan atau palsu dari segi yang material, dengan Pusat Penjelasan bergantung pada maklumat yang disediakan oleh Peserta, menerima masuk Peserta sebagai Peserta Penjelasan atau meluaskan perkhidmatan atau kemudahan lain atau memberikan kepada Peserta suatu faedah atau keistimewaan atau kelebihan lain;
- (j) Dipotong;
- (k) Kesilapan, kelewatan atau perlakuan lain yang memalukan, menghalang atau mengganggu operasi, perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan;
- (l) Peserta melanggar, secara langsung atau tak langsung, apa-apa peruntukan Akta atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (m) Peserta gagal bekerjasama dengan Pusat Penjelasan dan/atau mana-mana pihak kawal selia atau pihak berkuasa relevan dalam perkara yang berhubung dengan perkhidmatan penjelasan dan penyelesaian atau apa-apa perkhidmatan atau

kemudahan lain Pusat Penjelasan, sama ada atau tidak berhubung dengan Peserta itu, yang menjejaskan secara material kepentingan Pusat Penjelasan atau Peserta lain; atau

- (n) Peserta Penjelasan yang berulang kali gagal menyempurnakan apa-apa Arahan ISS, Pengesahan ISS atau Pengakuan ISS, atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan yang berhubung dengan Transaksi ISS.

### **3.4 PROSEDUR**

- (1) Pusat Penjelasan akan menentukan prosedur yang terpakai bagi apa-apa prosiding disiplin yang diambil di bawah Bab ini. Prosedur sedemikian mungkin berubah untuk disesuaikan dengan keadaan apa-apa kes tertentu.
- (2) Pusat Penjelasan tidak terikat dengan kaedah undang-undang keterangan dan tatacara dalam apa-apa prosiding disiplin di bawah Bab ini.

### **3.5 PENYELESAIAN YANG DIPERSETUJUI**

- (1) Peserta boleh, pada bila-bila masa sebelum Pusat Penjelasan membuat keputusan, mencadangkan penyelesaian bagi tindakan disiplin itu dengan mempersetujui satu set fakta, liabiliti atau penalti dengan Pusat Penjelasan.
- (2) Pusat Penjelasan boleh menolak, menerima atau mengubah penyelesaian yang dicadangkan berdasarkan syarat yang disifatkan patut oleh Pusat Penjelasan.
- (3) Sekiranya Pusat Penjelasan menerima penyelesaian yang dicadangkan, penyelesaian yang dipersetujui itu akan direkodkan sebagai keputusan Pusat Penjelasan.
- (4) Jika Pusat Penjelasan tidak bersetuju dengan penyelesaian yang dicadangkan, prosiding di bawah Seksyen A Bab 3 akan terpakai.

### **3.6 PERMINTAAN UNTUK REPRESENTASI LISAN**

- (1) Peserta boleh meminta untuk representasi lisan untuk membuat penghujahan atau memperoleh kehadiran saksi-saksi atau representasi undang-undang pada masa representasi lisan sedemikian bagi prosiding yang dimulakan terhadap Peserta.
- (2) Permintaan di bawah Kaedah 3.6(1) mesti diserahkan dengan:
  - (a) Respons sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah A3.2; atau
  - (b) Notis Rayuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah C3.2.
- (3) Pusat Penjelasan boleh, menurut budi bicara mutlakanya, membenarkan atau tidak membenarkan apa-apa permintaan untuk dibuat menurut Kaedah 3.6(1), menurut terma dan syarat yang disifatkan wajar oleh Pusat Penjelasan.

### **3.7 STANDARD PEMBUKTIAN**

Pusat Penjelasan tidak akan mendapati suatu dakwaan terbukti melainkan Pusat Penjelasan berpuas hati bahawa dakwaan itu dibuktikan berdasarkan imbalan kebarangkalian.

### **3.8 HAK LAIN**

Penggunaan kuasa di bawah Kaedah 3.2 tidak dalam apa-apa cara menjejaskan hak lain Pusat Penjelasan terhadap suatu Peserta atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kaedah-kaedah ini diarahkan.

### **3.9 TINDAKAN ATAU PENINGGALAN OLEH KAKITANGAN, EJEN ATAU PENGARAH**

Sekiranya tindakan atau peninggalan oleh kakitangan, ejen atau pengarah Peserta akan tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini, sekiranya tindakan atau peninggalan tindakan sedemikian dilakukan oleh Peserta itu, maka tindakan atau peninggalan itu disifatkan telah dilakukan oleh Peserta itu dan tindakan disiplin boleh diambil terhadapnya.

## **BAB 3**

### **SEKSYEN A**

#### **PROSIDING DISIPLIN**

##### **A3.1 NOTIS PERLU**

Pusat Penjelasan akan menyampaikan kepada Peserta yang Ingkar yang terhadapnya tindakan disiplin dicadangkan supaya diambil, notis bertulis yang memerihalkan sifat dan butiran pelanggaran yang didakwa telah dilakukan oleh Peserta yang Ingkar (“Notis Perlu”).

##### **A3.2 RESPONS KEPADA NOTIS PERLU**

Peserta yang Ingkar boleh menyerahkan kepada Pusat Penjelasan respons bertulis terhadap Notis Perlu (“Respons”) dalam masa yang ditetapkan dalam Notis Perlu.

##### **A3.3 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN**

Selepas penyelesaian prosiding disiplin, Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta yang Ingkar secara bertulis keputusan termasuk penalti yang dikenakan (jika ada).

## BAB 3

### SEKSYEN B

## PROSIDING SEGERA

#### B3.1 SKOP

Pusat Penjelasan boleh memulakan prosiding segera terhadap Peserta yang Ingkar, yang tindakan disiplin dicadangkan untuk diambil terhadapnya dan bukannya prosiding di bawah Seksyen A Bab 3, dalam keadaan yang disifatkan patut oleh Pusat Penjelasan, seperti berkenaan dengan pelanggaran Kaedah-kaedah yang biasanya tidak dikenakan penalti yang melebihi:

- (a) suatu teguran; atau
- (b) denda RM10,000.00; atau
- (c) kedua-dua di atas.

#### B3.2 PROSEDUR

- (1) Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta yang Ingkar secara bertulis bahawa perkara itu akan diteruskan dengan cara prosiding segera. Notis akan memerihalkan pelanggaran dan penalti yang dikenakan bagi pelanggaran. ("Penentuan").
- (2) Peserta yang Ingkar mesti, dalam masa yang ditetapkan dalam Penentuan, memberitahu Pusat Penjelasan secara bertulis sama ada Peserta yang Ingkar bersetuju atau tidak dengan Penentuan. Peserta yang Ingkar disifatkan telah bersetuju dengan Penentuan jika Peserta yang Ingkar tidak memberikan respons dalam masa yang ditetapkan.
- (3) Jika Peserta yang Ingkar bersetuju atau disifatkan telah bersetuju dengan Penentuan, tindakan disiplin akan direkodkan sebagai telah diambil terhadap Peserta yang Ingkar pada tarikh persetujuan Peserta yang Ingkar atau selepas tamat tempoh yang ditetapkan.
- (4) Jika Peserta yang Ingkar bersetuju atau disifatkan telah bersetuju dengan Penentuan, apa-apa denda yang dikenakan sebagai penalti bagi pelanggaran mesti dibayar:
  - (a) apabila Peserta yang Ingkar memberitahu Pusat Penjelasan secara bertulis akan persetujuannya dengan Penentuan; atau
  - (b) dalam masa yang ditetapkan dalam Penentuan;mengikut mana-mana yang berkaitan.
- (5) Jika Peserta yang Ingkar tidak bersetuju dengan Penentuan, perkara itu akan diteruskan di bawah Seksyen A Bab 3. Peserta yang Ingkar boleh, dalam masa yang ditetapkan dalam Penentuan, menyerahkan respons bertulis terhadap Penentuan seolah-oleh Penentuan ialah Notis Perlu di bawah Kaedah A3.1. Dalam menimbang teliti perkara di bawah Seksyen A Bab 3, Pusat Penjelasan tidak terikat oleh Penentuan dan boleh mengenakan penalti yang lebih tinggi berdasarkan fakta atau keterangan yang dikemukakan semasa prosiding di bawah Seksyen A Bab 3.

### **B3.3 TIADA HAD**

Tiada apa-apa pun dalam Seksyen B Bab 3 yang menghalang Pusat Penjelasan daripada meneruskan prosiding disiplin di bawah Seksyen A Bab 3 bagi apa-apa pelanggaran suatu Kaedah.

## BAB 3

### SEKSYEN C

### RAYUAN

#### C3.1 HAK MERAYU

- (1) Bagi peluasan Kaedah 1.28, mana-mana pihak dalam prosiding disiplin yang diambil di bawah Seksyen A Bab 3 dan Kaedah B3.2(5), yang tidak berpuas hati dengan keputusan hasil daripada prosiding disiplin boleh merayu terhadap keputusan sedemikian mengikut cara yang ditetapkan dalam Kaedah C3.2 melainkan keputusan itu direkodkan menurut penyelesaian yang dipersetujui di bawah Kaedah 3.5 ("Perayu").
- (2) Pusat Penjelasan boleh menggantung penguatkuasaan apa-apa tindakan yang diambil di bawah Kaedah 3.2 yang merupakan subjek rayuan sehingga penyelesaian rayuan.

#### C3.2 NOTIS RAYUAN

Perayu mesti, dalam masa yang dinyatakan dalam pemberitahuan keputusan yang diberi di bawah Kaedah A3.3, memberi notis ("Notis Rayuan") kepada Pusat Penjelasan yang:

- (a) mengenal pasti keputusan terhadapnya rayuan itu dibuat; dan
- (b) menetapkan alasan rayuan berserta dengan representasi untuk mewajarkan alasan yang dijadikan sandaran.

#### C3.3 PERTIMBANGTELITIAN RAYUAN

- (1) Perayu boleh mengemukakan keterangan yang tidak dikemukakan pada prosiding disiplin permulaan jika:
  - (a) keterangan tidak tersedia pada masa prosiding disiplin permulaan; dan
  - (b) keterangan akan berkemungkinan mempunyai pengaruh penentuan ke atas keputusan yang dirayu.
- (2) Perayu mesti mengemukakan keterangan baharu sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah C3.3(1) semasa menyerahkan Notis Rayuan.
- (3) Pusat Penjelasan boleh melaksanakan kuasanya di bawah Kaedah 2A.6 dan mengemukakan keterangan baharu yang timbul daripada Notis Rayuan yang diserahkan oleh Peserta yang Ingkar.
- (4) Pusat Penjelasan boleh mengesahkan, mengubah, atau mengetepikan keputusan yang dirayu.



### **C3.4 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN RAYUAN**

Selepas penyelesaian rayuan, Pusat Penjelasan akan memberitahu Peserta yang Ingkar secara bertulis keputusan rayuan dan keputusan sedemikian adalah muktamad.

## BAB 3

### SEKSYEN D

#### KESAN TINDAKAN DISIPLIN

##### D3.1 AM

- (1) Peserta yang Ingkar mesti melaksanakan dengan berkesan keputusan yang dibuat di bawah Seksyen A atau Seksyen B Bab 3 atau keputusan yang disahkan atau diubah di bawah Seksyen C Bab 3 dalam masa yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Jika Peserta yang Ingkar gagal melaksanakan dengan berkesan atau mematuhi keputusan sedemikian yang dibuat, disahkan atau diubah, Peserta yang Ingkar disifatkan telah melakukan pelanggaran Kaedah-kaedah ini dan Pusat Penjelasan boleh mengambil tindakan selanjutnya sebagaimana yang dinyatakan di bawah Kaedah 3.2.

##### D3.2 TEMPOH PEMBAYARAN DAN KESAN TIDAK MEMBAYAR DENDA

- (1) Tanpa menjejaskan Kaedah D3.1(2), denda yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan mesti dibayar oleh Peserta yang Ingkar dalam masa yang ditetapkan dalam notis di bawah Kaedah A3.3 atau Kaedah C3.4.
- (2) Menurut Kaedah D3.2(1) dan Kaedah B3.2(4), Peserta yang Ingkar yang gagal untuk membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan akan digantung dengan segera daripada fungsi dan aktivitiya.
- (3) Sekiranya denda masih tidak dibayar 7 hari selepas penggantungan di bawah Kaedah D3.2(2), Pusat Penjelasan boleh, pada bila-bila masa selepas itu, dengan segera menamatkan Penyertaan Peserta yang Ingkar atau Peserta yang Ingkar/Ejen sebagai Peserta/Ejen SBL, sekiranya relevan, dengan memberikan notis bertulis.
- (4) Suatu denda atau apa-apa bahagian denda yang masih belum dibayar oleh Peserta yang Ingkar ialah hutang yang terhutang oleh Peserta yang Ingkar kepada Pusat Penjelasan.

##### D3.3 KESAN PENGGANTUNGAN ATAU PENAMATAN

- (1) Penggantungan yang dikenakan oleh Pusat Penjelasan ke atas Peserta yang Ingkar adalah:
  - (a) berkuat kuasa pada tarikh yang diberitahu dalam notis di bawah Kaedah A3.3 atau Kaedah C3.4 ("notis tersebut"); dan
  - (b) kekal bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan dalam notis tersebut, tetapi tempoh itu boleh dilanjutkan oleh Pusat Penjelasan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Tidak ada apa-apa pun dalam Kaedah D3.3 yang boleh ditafsirkan sebagai melepaskan atau menunaikan Peserta yang Ingkar itu daripada tetap

dipertanggungjawabkan terhadap semua perkara untuk memenuhi semua obligasinya menurut atau di bawah Kaedah-kaedah ini.

- (3) Mana-mana Peserta yang Ingkar yang telah digantung atau ditamatkan daripada Penyertaan Peserta Penjelasan mesti tertakluk pada Kaedah 4.2, sekiranya berkaitan.

## BAB 3

### SEKSYEN E

#### PERUNTUKAN PERALIHAN

##### **E3.1 TINDAKAN DISIPLIN YANG DIMULAKAN SEBELUM TARIKH KUAT KUASA**

- (1) Melainkan Kaedah-kaedah ini atau Pusat Penjelasan memperuntukkan yang selainnya, Pusat Penjelasan akan menerima pakai penalti, kaedah-kaedah dan prosedur bagi tindakan disiplin yang terpakai sebelum tarikh kuat kuasa peruntukan baharu ini, untuk tindakan disiplin ("Tarikh Kuat Kuasa") ke atas tindakan disiplin yang dimulakan oleh Pusat Penjelasan terhadap Peserta sebelum Tarikh Kuat Kuasa.
- (2) Penalti, kaedah-kaedah dan prosedur disiplin yang sebelumnya akan juga terpakai bagi rayuan terhadap keputusan ke atas tindakan disiplin yang dimulakan sebelum Tarikh Kuat Kuasa.

##### **E3.2 TINDAKAN DISIPLIN YANG DIMULAKAN PADA ATAU SELEPAS TARIKH KUAT KUASA**

Melainkan Kaedah-kaedah ini atau Pusat Penjelasan memperuntukkan yang selainnya, Pusat Penjelasan boleh, pada atau selepas Tarikh Kuat Kuasa, memulakan tindakan disiplin terhadap Peserta, bagi tindakan atau peninggalan yang dilakukan sebelum Tarikh Kuat Kuasa jika tiada tindakan disiplin telah dimulakan. Dengan berbuat demikian, Pusat Penjelasan boleh menggunakan penalti, kaedah-kaedah dan prosedur baharu ke atas tindakan disiplin yang terpakai dari Tarikh Kuat Kuasa.